

25 JUL 2002

Mahathir-Malabar (Bergambar)

KAUM KECIL MASIH BOLEH MENYUMBANG KEPADA NEGARA, KATA MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 25 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sekecil mana pun bilangan sesuatu kaum yang terdapat di Malaysia, mereka tetap berpeluang menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara serta mengambil peluang ekonomi daripada sistem pasaran terbuka.

Perdana Menteri berkata Malaysia mengamalkan sistem pasaran terbuka dan sesiapa juga boleh berniaga tanpa mengira kaum di negara ini.

"Tak ada sekatan untuk mereka mencapai kejayaan dan kaum Malabar yang terkenal dengan kemahiran berniaga boleh terus berjaya dalam perniagaan dan perusahaan serta berperanan penting dalam ekonomi negara," katanya semasa berucap merasmikan bangunan Jemaah Malabar Muslim Johor di Senai, dekat sini.

Beliau berkata orang Malabar yang dikenali sebagai Malabari adalah antara orang yang membawa Islam ke Malaysia, dan orang Melayu serta Islam terhutang budi kepada mereka.

Menurutnya orang Malabari dan orang Melayu merupakan saudara seagama yang memberi kekuatan kepada Islam, dan kaum Malabar juga mengamalkan sesetengah adat resam Melayu selain berkahwin dengan orang Melayu.

Dr Mahathir berkata terdapat pemimpin masyarakat yang terkenal di kalangan orang Malabar sambil memberi contoh peniaga kedai kopi dan kedai runcit di Kedah pada zaman British, Haji C. Musa, yang diiktiraf sebagai pemimpin.

"Mereka berhak dalam negara kita dan saya difahamkan mereka memberi sokongan padu dan kuat kepada kerajaan dan saya bagi pihak Barisan Nasional (BN) mengucapkan terima kasih kepada kaum Malabar di Malaysia," katanya.

Beliau berkata jumlah undi yang akan diperolehi BN tidak banyak daripada kaum Malabar yang berjumlah 25,000 orang tetapi 25,000 undi itu boleh menentukan menang atau kalah seseorang calon.

Bangunan empat tingkat milik Jemaah Malabar Muslim Johor yang berharga RM800,000 itu, kata Perdana Menteri, membuktikan kejayaan kaum Malabar.

Beliau berharap ia menjadi tumpuan kegiatan kaum Malabar serta terbuka kepada kaum lain bagi menjalankan kegiatan yang mengeratkan hubungan sesama kaum.

Sambil berseloroh, Dr Mahathir berkata dengan memakai kopiah Melayu dan baju Melayu, kaum Malabar dapat menerima banyak lagi unsur keMalayuan termasuk beristeri Melayu.

"Kita tak rugi kerana kita nak tambah penduduk kita kepada 70 juta dan sekarang baru ada 24 juta orang... saya mendoakan agar semuanya subur belaka," katanya sambil diberikan tepukan gemuruh oleh para hadirin termasuk Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Selepas majlis itu, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berlepas pulang ke ibu negara.

-- BERNAMA

MNY NAK